

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**  
**[ BERA ]**

**SOALAN NO. 195**

**Dato' Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah pencarum KWSP suri rumah sehingga kini dan berapakah jumlah sasarannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) Fasa 1 telah mula dilancarkan pada 15 Ogos 2018. Kementerian telah meletakkan sasaran seramai 100,000 orang suri rumah dan wanita bagi tahun 2019. Sehingga 31 Mei 2019, seramai 111,879 suri rumah dan wanita telah berdaftar di bawah program ini. Jumlah ini telah melebihi sasaran Kementerian.